

**TERMINOLOGI AL-*IKHTIYĀR* DALAM MAZHAB SYAFIE DAN PENENTUAN
PENDAPAT MUKTAMAD: ANALISIS *IKHTIYĀRĀT FIQHIIYAH* IMAM AL-GHAZALI
DALAM KITAB *BIDĀYAT AL-HIDĀYAH***

***THE TERMINOLOGY OF AL-*IKHTIYĀR* IN THE SHĀFI'Ī SCHOOL OF
ISLAMIC JURISPRUDENCE AND THE DETERMINATION OF AUTHORITATIVE OPINIONS:
AN ANALYSIS OF *IKHTIYĀRĀT FIQHIIYAH* BY IMAM AL-GHAZALI
IN THE BOOK *BIDĀYAT AL-HIDĀYAH****

ⁱ*Syed Salim Syed Shamsuddin, ⁱⁱMuhammad Farid Wajdi Ab. Rahim & ⁱⁱⁱMohammad Aizuddin Abdul Aziz

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱPusat Khazanah Ilmu Turath, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱPusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: syedsalim@usim.edu.my

Article history:

Submission date: 15 June 2024

Received in revised form: 17 July 2024

Acceptance date: 20 July 2024

Available online: 29 July 2024

Keywords:

Shāfi'ī madhhab, Imam al-Ghazali,
authoritative opinion, al-ikhtiyār

Funding:

This research did not receive any specific
grant from funding agencies in the public,
commercial, or non-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no
competing interests exist.

Cite as:

Syed Shamsuddin, S. S., Ab. Rahim, M. F.
W., & Abdul Aziz, M. A. (2024). Terminologi
al-ikhtiyār dalam mazhab syafie dan
penentuan pendapat muktamad: Analisis
ikhtiyārāt fiqhiiyah Imam Al-Ghazali dalam
kitab *bidāyat al-hidāyah*. *LexForensica:
Forensic Justice And Socio-Legal Research
Journal*, 1(1), 41-55.
<https://doi.org/10.33102/fohkhq03>



© The authors (2024). This is an Open
Access article distributed under the terms of
the Creative Commons Attribution (CC BY
NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-
use, distribution, and reproduction in any
medium, provided the original work is
properly cited. For commercial re-use, please
contact usimpress@usim.edu.my.

ABSTRACT

This article explains the method of determining and selecting the authoritative opinions of the Shāfi'ī madhhab as determined by the later jurists (*al-mutaakhhirīn*) through understanding some of the main terminologies that have been agreed upon. A brief review and analysis were conducted on several opinions (*al-ikhtiyārat*) of Imam al-Ghazali in his work *Bidāyat al-Hidāyah* that differ from the conclusive view of the Shāfi'ī school. This writing is qualitative and descriptive in nature, involving library research and content analysis of the Shāfi'ītes classical jurisprudence texts, the books of Imam al-Ghazali, especially *Bidāyat al-Hidāyah*, as well as the writings of relevant contemporary scholars. The results of this study show that a thorough and detailed knowledge and understanding of the procedure for determining the final or authoritative view of the madhhab is an important basis in interacting with the Shāfi'ītes classical texts. *Al-ikhtiyār* is an *ijtihād* (independent judgement) by a *mujtahid* which is not in line with the madhhab of his imam in some issues or contradicts the authoritative opinion of the madhhab due to the existence of evidence. Thus, this opinion cannot be attributed to the madhhab. Imam al-Ghazali belongs to the group of *Ashāb al-Wujūh*, who lived before the time of *tahrīr* (updating) of the madhhab. Therefore, in the book *Bidāyat al-Hidāyah* some fiqh issues are not conclusive according to the Shāfi'ī school of thought. This problem is considered an *al-ikhtiyārat* of Imam al-Ghazali based on his *ijtihād* towards the Sharī'ah texts. *Al-ikhtiyārat* of Imam al-Ghazali in this book is only found in seven fiqh issues related to the *sunnah* during ablution and prayer. As this book is more focused on the methods and manners for someone who wants to get closer to Allah SWT, the fiqh issues discussed by Imam al-Ghazali are considered *faḍā'il al-a'māl* (the virtues of deeds) and personal daily practices, not intended for issuing fatwas and legal rulings in relation to it. Hence, it is permissible for us to follow such opinions.

ABSTRAK

Artikel ini menjelaskan kaedah penentuan dan pemilihan pendapat muktamad mazhab Syafie sepertimana yang telah ditetapkan oleh para fuqaha mazhab Syafie yang terkemudian (*al-mutaakhhirīn*) melalui kefahaman terhadap beberapa terminologi utama yang telah disepakati. Tinjauan dan analisis ringkas dilakukan terhadap beberapa pendapat (*al-ikhtiyārat*) Imam al-Ghazali di dalam karya beliau *Bidāyat al-Hidāyah* yang berbeza dengan pandangan muktamad mazhab Syafie. Penulisan ini bersifat kualitatif deskriptif melibatkan kajian kepustakaan melalui analisis dokumen terhadap teks-teks turath fiqh Syafie, kitab-kitab Imam al-Ghazali khususnya kitab *Bidāyat al-Hidāyah* serta penulisan para ulama kontemporari yang berkaitan. Hasil penulisan ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan kefahaman secara teliti dan terperinci tentang tatacara penentuan pandangan muktamad mazhab merupakan asas penting ketika berinteraksi dengan teks-teks turath mazhab Syafie. *Al-ikhtiyār* merupakan pendapat yang diijtihadkan oleh seseorang mujtahid yang menyalahi mazhab imamnya dalam sesetengah masalah atau menyalahi pendapat yang rajih daripada mazhab kerana adanya dalil, maka pendapat ini tidak boleh dinisbahkan kepada mazhab. Imam al-Ghazali tergolong di dalam kalangan *Ashāb al-Wujūh* yang hidup sebelum zaman *tahrīr* (pengemaskinian) mazhab. Oleh itu, di dalam kitab *Bidāyat al-Hidāyah* terdapat beberapa permasalahan fiqah yang tidak muktamad menurut mazhab Syafie. Permasalahan ini dikira sebagai *al-ikhtiyārat* daripada Imam al-Ghazali berdasarkan ijihad beliau terhadap nas-nas syarak. *Ikhtiyārāt* Imam al-Ghazali di dalam kitab ini hanya didapati pada tujuh masalah fiqah yang berkaitan perkara sunat ketika berwuduk dan solat. Memandangkan kitab ini lebih tertumpu kepada kaedah dan adab bagi seseorang yang ingin mendekati diri kepada Allah, permasalahan fiqah yang dimuatkan oleh Imam al-Ghazali adalah bersifat *faḍā'il al-a'māl* dan pengamalan harian bersifat peribadi, bukan untuk berfatwa dan pengeluaran hukum, maka tidaklah menjadi satu kesalahan bagi kita untuk mengikuti pendapat-pendapat tersebut.

Kata Kunci: Mazhab Syafie, Imam al-Ghazali, pendapat muktamad, *al-ikhtiyār*

Pendahuluan

Mazhab Syafie merupakan hukum-hakam yang dihasilkan daripada ijihad Imam al-Syafie (*aqwāl*) dan juga ijihad fuqaha Syāfi'iyyah (*wujūh al-Ashāb*) (al-Mahalli, 2016). Oleh kerana itu, untuk memahami dan mengeluarkan hukum dan fatwa di dalam mazhab Syafie, seseorang itu perlulah merujuk teks-teks karangan fuqaha Syāfi'iyyah dan bukannya semata-mata merujuk kepada kitab-kitab karangan Imam al-Syafie sendiri seperti *al-Umm*.

Sehubungan itu, ketika berinteraksi dengan pandangan serta ijihad fuqaha mazhab Syafie, antara perkara yang terpenting ialah menguasai dan memahami secara jelas metodologi pengeluaran fatwa mazhab, tatacara pemilihan pandangan muktamad mazhab, terminologi-terminologi khusus (*muṣṭalahāt*) yang telah disepakati dan digunakan, kaedah-kaedah yang diguna pakai, tertib susunan fuqaha dan kitab-kitab mazhab yang menjadi sandaran utama.

Di dalam penentuan pendapat muktamad mazhab, antara elemen yang perlu dititikberatkan ialah zaman atau tempoh masa kehidupan tokoh-tokoh fuqaha serta karya-karya mereka. Hal ini demikian kerana ada beberapa ijihad para tokoh mazhab *Ashāb al-Wujūh* yang hidup sebelum zaman kemaskini mazhab (*al-tahrīr*) yang berlaku sekitar 505H hingga 676H tidak dijadikan sebagai pendapat muktamad mazhab, seperti Imam al-Qadhi Husin (w. 462H), Imam Abu Ishak al-Syirazi (w. 476H), Imam al-Haramayn (w. 478H) dan Imam al-Ghazali (w. 505H).

Dalam kalangan *Ashāb al-Wujūh* ini, Imam al-Ghazali merupakan di antara tokoh mazhab Syafie yang telah banyak meninggalkan karya di dalam bidang fiqah seperti *al-Khulāṣah*, *al-Basīṭ*, *al-Wasīṭ* dan *al-Wajīz*. Selain itu beliau turut menguasai ilmu-ilmu lain dan banyak menulis di dalam bidang-bidang tersebut seperti usul fiqah, ilmu kalam, mantik, falsafah dan tasawuf. Dalam karya-karya beliau ini, turut dimuatkan permasalahan-permasalahan fiqah, ada di antaranya merupakan *ikhtiyārat* beliau yang tidak dijadikan pendapat muktamad mazhab Syafie.

Oleh itu, dengan menggunakan metodologi kualitatif deskriptif yang melibatkan kajian kepustakaan terhadap beberapa teks turath fiqh Syafie dan Imam al-Ghazali serta penulisan para ulama kontemporari, artikel ini akan mengemukakan tertib pemilihan pendapat muktamad mazhab yang telah ditentukan oleh fuqaha mazhab Syafie terkemudian (*al-mutaakhhirīn*) melalui kefahaman terminologi-terminologi

utama yang berkaitan. Artikel ini juga akan melakukan analisis ringkas terhadap beberapa permasalahan fiqh yang tidak muktamad yang menjadi *al-ikhtiyārat* Imam al-Ghazali di dalam salah satu karya beliau yang terkenal berjudul *Bidāyat al-Hidāyah*.

Kepentingan Memahami Maksud Terminologi (*Muṣṭalahāt*) dalam Mazhab Shafie

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2021), “*terminologi*” bermaksud kumpulan kata khusus yang berkaitan dengan sesuatu bidang (ilmu). Manakala “*istilah*” memberi maksud perkataan atau rangkai kata yang menyatakan sesuatu dengan betul, tepat dan sesuai dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan (pekerjaan atau kesenian). Perkataan “*muṣṭalah*” (مصطلح) di dalam bahasa Arab bermaksud setiap perkataan yang mempunyai maksud tertentu, disepakati di kalangan ulama dalam sesuatu ilmu (Almaany, t.th.). Manakala perkataan “*iṣṭilāḥ*” (اصطلاح) didefinisikan sebagai kesepakatan suatu kelompok atau kumpulan dalam meletakkan sesuatu perkataan kepada makna tertentu, lain daripada makna yang diberikan kepadanya dari segi bahasa (Sano, 2000). Secara umum, kesemua perkataan ini membawa maksud yang sama.

Setiap mazhab fiqh mempunyai terminologi-terminologi yang tertentu dalam memberi gambaran yang khusus terhadap sesuatu perkataan atau lafaz yang digunakan dalam perbahasan hukum. Bagi fuqaha al-Syāfi‘iyyah, terdapat pelbagai istilah yang dapat dilihat dalam karya-karya turath *mutaqaddimīn* atau *mutaakhhirīn* yang mewakili makna-makna khusus. Istilah-istilah ini sama ada berbentuk lafaz atau rumus (singkatan bagi sesuatu ungkapan yang terdiri daripada beberapa huruf) menunjuk kepada sesuatu makna tertentu. Istilah-istilah tersebut mewakili hukum, pentarjihan antara ikhtilaf pendapat fuqaha, tokoh mazhab, judul kitab dan lain-lain. Penguasaan dan kemahiran memahami *muṣṭalahāt* membantu para penuntut ilmu, pengkaji mazhab dan ahli fatwa dan undang-undang memahami maksud sebenar (*al-murād*) yang hendak disampaikan oleh pengarang. Selain itu, penguasaan terhadap kefahaman istilah ini membantu para pengkaji untuk memahami setiap perbahasan yang diutarakan oleh para fuqaha tentang sesuatu permasalahan dengan tepat.

Antara istilah-istilah utama yang terdapat di dalam kitab-kitab mazhab Syafie ialah istilah yang mewakili tokoh-tokoh mazhab dan istilah yang mewakili pendapat-pendapat muktamad atau daif di dalam mazhab. Tokoh-tokoh fuqaha mazhab Syafie dapat dikenali dengan gelaran-gelaran yang tertentu seperti yang terdapat di dalam karya-karya mazhab. Penisbahan gelaran ini ada kalanya berbeza antara seorang tokoh dengan tokoh yang lain. Ijtihad atau pendapat fuqaha mazhab boleh diketahui dengan memahami penggunaan istilah yang disandarkan kepada tokoh tertentu. Selain itu, zaman seseorang tokoh itu berada turut memberi pengaruh di dalam pentarjihan sesuatu pendapat. Dalam pada itu, para fuqaha mazhab Syafie juga telah menetapkan beberapa peraturan dan kaedah untuk mengenal pasti sesuatu pendapat sama ada *rājiḥ*, *marjūḥ*, *da‘if* dan sebagainya. Kekuatan dan kedudukan pendapat-pendapat ini di dalam mazhab diwakili oleh terminologi-terminologi khusus yang telah disepakati dan digunakan secara meluas di dalam karya-karya mazhab. Berikut ialah beberapa terminologi utama yang sering dijumpai di dalam karangan-karangan fuqaha al-Syāfi‘iyyah (Balfaqih, 2017; al-Dib, 2007; al-Hafnawi, 2017; al-Kurdi, 2015; al-Nawawi, 2017&1992; al-Zuhaily, 2007):

Jadual 1: Terminologi Mewakili Tokoh Fuqaha Mazhab

Bil.	Terminologi	Tokoh
1.	<i>Al-Aṣḥāb/Aṣḥāb al-Wujūh/Aṣḥāb al-Awjuh/Al-Mutaqaddimūn</i> (الأصحاب/أصحاب) (الوجوه/أصحاب الأوجه/المتقدمون)	Ulama kurun keempat, sebelum Imam al-Rafie dan Imam al-Nawawi
2.	<i>Al-Mutaakhhirūn</i> (المتأخرون)	Ulama selepas kurun keempat atau mereka yang datang selepas Imam al-Rafie dan Imam al-Nawawi
3.	<i>Al-Akthar/Al-Mu‘zam/Al-Jumhūr</i> (الأكثر/المُعظم/الجمهور)	Kebanyakan atau sebahagian besar ulama

4.	<i>Al-Imām</i> (الإمام)	Imam al-Haramain Abdul Malik bin Abdullah bin Yusuf al-Juwaini (w. 478). Jika Imam al-Haramain sendiri menyebut “ <i>al-Imām</i> ” maksudnya ialah syeikh dan ayahandanya Imam Abu Muhammad al-Juwaini (w. 438H)
5.	<i>Al-Qadī</i> (القاضي)	Imam al-Qadhi Hussain Abu Ali Muhammad bin Ahmad al-Marwaruzi (w. 467H), dari kalangan al-Khurasaniyyin. Jika disebut di dalam kitab <i>al-Muhadhdhab</i> dan lain-lain dari kalangan kitab al-‘Iraqiyyin maksudnya ialah al-Imam Abu Tayyib al-Tabari (w. 450H)
6.	<i>Abū Ḥāmid</i> (أبو حامد)	Imam al-Qadhi Abu Hamid Ahmad bin Bisyr al-Marwazi (w. 362H) atau Imam al-Syaikh Abu Hamid Ahmad bin Muhammad al-Isfirayini (w. 406H) syeikh tariqat al-‘Iraqiyyin
7.	<i>Hujjat al-Islām</i> (حُجَّةَ الإسلام)	Imam Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali al-Tusi (w. 505H)
8.	<i>Syaikh al-Islām</i> (شيخ الإسلام)	Imam Qadi al-Qudhah Abu Yahya Zakariyya bin Muhammad al-Ansari (w. 926H)
9.	<i>Al-Syaikhān</i> (الشيخان)	Imam Abu al-Qasim Abdul Karim bin Muhammad al-Rafie (w. 623H) dan Imam Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf al-Nawawi (w. 676H).
10.	<i>Al-Syuyūkh</i> (الشيوخ)	Imam al-Rafie, Imam al-Nawawi dan Imam Taqiyyuddin Ali bin Abdul Kafi al-Subki (w. 756H)
11.	<i>Sultān al-‘Ulama’/Ibn ‘Abd al-Salām</i> (سلطان العلماء/ابن عبد السلام)	Imam Izzuddin Abdul Aziz bin Abdul Salam al-Sulami (w. 660H)
12.	<i>Al-Ramlī al-Kabīr/Al-Syihāb al-Ramlī</i> (الرملي الكبير/الشهاب الرملي)	Imam Syihabuddin Ahmad bin Hamzah al-Ansari al-Ramli (w. 957H)
13.	<i>Al-Jamāl/Al-Jamāl al-Ramlī/Al-Ramlī al-Ṣaghīr/Al-Syāfi ‘ī al-Ṣaghīr</i> (الجمال/الجمال الرملي/الرملي/الرملي الصغير/الشافعي الصغير)	Imam Shamsuddin Muhammad bin Ahmad bin Hamzah al-Ansari al-Ramli (w. 1004H)
14.	<i>Ibn Ḥajar</i> (ابن حجر)	Imam Syihabuddin Ahmad bin Muhammad bin Hajar al-Haitami (w. 974H)

Jadual 2: Terminologi Dalam Pentarjihan Pendapat dan Penentuan Qaul Muktamad

Bil.	Terminologi	Maksud
1.	<i>Al-Naṣ</i> (النص)	Dengan makna <i>ism al-maf‘ūl</i> (المنصوص); merupakan perkara yang disebutkan sendiri oleh Imam al-Syafie, sama ada dari kitab yang diimlakkannya, mukhtasar yang dinukilkan dari beliau atau kitab yang menghimpunkan kata-kata beliau. Dinamakan <i>al-Naṣ</i> disebabkan ia diangkat darjatnya kerana telah ditentukan oleh Imam Syafie, ataupun disandarkan terus kepada Imam Syafie
2.	<i>Al-Qawl/Al-Aqwāl</i> (القول/الأقوال)	Ijtihad atau pendapat yang dikeluarkan oleh Imam al-Syafie radiallahuanhu

3.	<i>Al-Jadīd</i> (الجدید)	Pendapat Imam al-Syafie setelah berada di Mesir, sama ada dalam bentuk penulisan atau fatwa. Antara perawi yang masyhur bagi pendapat ini ialah Imam al-Buwayti, al-Muzani, al-Rabi' al-Muradi, Harmalah dan lain-lain. Kitab terpenting yang mengumpulkan pendapat ini ialah <i>al-Umm</i> , <i>al-Imlā'</i> , <i>Mukhtaṣar al-Buwayṭī</i> dan <i>Mukhtaṣar al-Muzanī</i>
4.	<i>Al-Qadīm</i> (القديم)	Pandangan Imam al-Syafie ketika berada di Iraq dan sebelum memasuki Mesir, sama ada dalam bentuk penulisan atau fatwa. Pendapat ini dimuatkan di dalam kitab <i>al-Hujjah</i> . Antara perawi yang masyhur bagi pendapat ini ialah Imam Ahmad bin Hanbal, al-Za'farani, al-Karabisi dan Abu Thaur. Kebanyakan pendapat lama ini telah ditarik kembali apabila Imam al-Syafie mengeluarkan pendapat dan fatwa yang baharu. Apabila terdapat percanggahan pandangan antara <i>qawl qadīm</i> dan <i>qawl jadīd</i> , yang dikira sebagai muktamad dan difatwakan dalam mazhab ialah <i>qawl jadīd</i> , melainkan beberapa masalah difatwakan dengan <i>qawl qadīm</i>
5.	<i>Al-Wajh/al-Awjuh</i> (الوجه/الأوجه)	Pendapat yang diistinbatkan oleh fuqaha al-Syāfi'iyyah berdasarkan kaedah dan usul mazhab dan sebahagiannya melalui ijtihad mereka sendiri. Ijtihad mereka ini tidak boleh dinisbahkan kepada Imam al-Syafie jika bertentangan dengan kaedah usul beliau, hanya boleh dinisbahkan kepada mereka sendiri
6.	<i>Al-Ṭuruq</i> (الطرق)	Perbezaan para perawi mazhab Syafie (<i>al-ruwwāh</i>) dalam meriwayatkan mazhab. Contohnya: ada di antara mereka mengatakan pada masalah tertentu terdapat dua <i>qawl/wajh</i> , tetapi yang lain mengatakan hanya ada satu <i>qawl/wajh</i>
7.	<i>Al-Madhhab</i> (المذهب)	Pandangan yang <i>rājih</i> ketika wujudnya khilaf di kalangan <i>al-Aṣḥāb</i> daripada dua <i>tarīq</i> atau <i>ṭuruq</i> ketika meriwayatkan pandangan yang menjadi mazhab
8.	<i>Al-Aẓhar</i> (الأظهر)	Pendapat yang <i>rājih</i> daripada dua pendapat (<i>qawl</i>) atau <i>aqwāl</i> Imam al-Syafie sekiranya ikhtilaf itu kuat kerana masing-masing bersandarkan kepada dalil yang kuat dan jelas
9.	<i>Al-Masyhūr</i> (المشهور)	Pendapat yang <i>rājih</i> daripada dua pendapat (<i>qawl</i>) atau <i>aqwāl</i> Imam al-Syafie sekiranya ikhtilaf itu lemah kerana dalil <i>qawl</i> lawannya tidak kuat
10.	<i>Al-Aṣaḥ</i> (الأصح)	Pendapat yang <i>rājih</i> dan muktamad dalam mazhab Syafie daripada dua pendapat (<i>wajh</i>) atau <i>awjuh al-Aṣḥāb</i> yang diistinbatkan daripada kata-kata Imam Syafie, sekiranya khilaf itu kuat kerana masing-masing mempunyai dalil yang kuat
11.	<i>Al-Ṣaḥīḥ</i> (الصحيح)	Pendapat yang <i>rājih</i> dan muktamad dalam mazhab Syafie daripada dua pendapat (<i>wajh</i>) atau <i>awjuh al-Aṣḥāb</i> yang diistinbatkan daripada kata-kata Imam al-Syafie, sekiranya pendapat lawannya lemah
12.	<i>Al-Zāhir</i> (الظاهر)	Lafaz yang ada kemungkinan dua makna dan lebih, salah satunya lebih <i>rājih</i> atau jelas, atau apa yang dapat segera difahami di dalam fikiran mujtahid daripadanya ketika disebutkannya akan makna serta diharuskan juga selainnya
13.	<i>Al-Mukhtār/al-Ikhtiyār</i> (المختار/الاختيار)	Pandangan yang dipilih oleh seseorang imam dari sudut dalil atau memberi faedah bahawa perkara yang disebut itu adalah berbeza dengan <i>al-manqūl</i> daripada mazhab. Pandangan ini bukan pandangan muktamad mazhab dan dianggap lemah dari sudut mazhab

Penentuan Pendapat Muktamad Mazhab Syafie

Secara umum, kitab-kitab mazhab yang menjadi tumpuan dalam rujukan hukum dan perbahasan fiqh mazhab Syafie ialah *al-Mukhtasar* karya Imam al-Muzani, *al-Muhadhdhab* dan *al-Tanbīh* karya Imam al-Syirazi dan *al-Wasīṭ* dan *al-Wajīz* karya Imam al-Ghazali (al-Hafnawi, 2017). Namun begitu, seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Nawawi dalam mukadimah kitab *al-Majmū'*, di dalam kitab-kitab mazhab (karangan *Aṣḥāb al-Wujūh*) terdapat banyak percanggahan dan ikhtilaf yang berlaku di antara *al-Aṣḥāb*, dengan itu sukar untuk menentukan pendapat mana yang menjadi pendapat mazhab dan pendapat muktamad (al-Nawawi, 1995). Oleh itu, di sinilah peranan Imam Abu al-Qasim al-Rafie (w. 623H) dan Imam Abu Zakariyya al-Nawawi (w. 676H) (*al-Syaikhān*) dalam melakukan *tahrīr* dan *tanqīh* mazhab untuk mengemaskini, menyemak, menilai semula, menyaring, menyunting, mengedit dan merombak pendapat dan ijtihad fuqaha *al-mutaqaddimīn* untuk membezakan di antara pendapat-pendapat kuat menurut usul dan kaedah mazhab dan pendapat yang lemah, tersembunyi dan *syādh* atau bersifat individu lari daripada usul dan kaedah mazhab (al-Dib, 2007). Imam Ibn Hajar al-Haitami (2020) menyatakan:

“Kitab-kitab sebelum *al-Syaikhān* tidaklah dipegang, kecuali setelah semakan dilakukan, dan sangkaan kuat menyatakan bahawa ianya adalah pandangan mazhab”.

(Ibn Hajar, 2020)

Dalam pengeluaran hukum dan berfatwa, pendapat yang diguna pakai ialah pendapat yang muktamad di dalam mazhab. Menurut Muhammad bin Umar al-Kaf (2008), *al-qawl al-mu'tamad* di sisi fuqaha Syāfi'iyah diertikan sebagai pendapat yang ditarjihkan, sama ada ia merupakan ijtihad Imam al-Syafie dari segala *aqwāl* beliau, atau pendapat yang terbit daripada kaedah-kaedah dan usul-usul yang sah sandaran kepada mazhab beliau, dan wajib berfatwa serta berhukum dan beramal dengannya bagi mereka yang bertaklid kepada beliau. Sebaliknya, berhukum dengan pendapat yang tidak muktamad adalah ditegah dan tertolak (al-Malibari, 2004). Tuan Guru Haji Chik bin Ahmad al-Qadahi (t.th.) menyebutkan di dalam kitabnya *Sullam al-Ṣibyān fī al-Fiqh al-Syāfi'ī*:

“Maka haruslah berfatwa tatkala hajat atau maslahat yang umum dengan qaul daif selama qaul daif tiada lawan bagi qaul yang sahih. Adapun qaul daif yang lawan qaul yang sahih, maka tiada harus berfatwa dan tiada harus beramal dengan dia *muṭlaqan*”.

(Chik, t.th.)

Para fuqaha mazhab Syafie telah menetapkan beberapa peraturan dan kaedah untuk mengenal pasti sesuatu pendapat sama ada *rājih*, *marjūh*, *ḍāif* dan sebagainya. Peraturan ini diwakili oleh istilah tertentu yang menggambarkan sesuatu pandangan atau pendapat. Antara istilah yang digunakan ialah lafaz *al-jadīd* (melainkan beberapa pengecualian), *al-naṣ*, *al-masyhūr*, *al-aḥzar*, *al-ṣaḥīḥ*, *al-aṣaḥ* dan *al-madhhab* (Balfaqih, 2017).

Fuqaha Syāfi'iyah telah bersepakat bahawa karya-karya Imam al-Nawawi dan Imam al-Rafie dikira sebagai rujukan yang sah dalam fiqh mazhab Syafie, *'umdaḥ* (sandaran dan pegangan) dalam pentahkikan mazhab dan muktamad dalam berfatwa dan berhukum. Bagi memahami karya-karya mereka, kitab-kitab syarah terpenting yang perlu dirujuk ialah *Mukhtasar* Syekh al-Islam Zakariyya al-Ansari (w. 926H), *Mughnī al-Muḥtāj* oleh Imam al-Khatib al-Syirbini (w. 977H), *Tuḥfat al-Muḥtāj* oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami (w. 974H) dan *Nihāyat al-Muḥtāj* oleh Imam Shamsuddin al-Ramli (w. 1004H).

Jelas di sini bahawa *al-qawl al-mu'tamad* mazhab Syafie yang berkedudukan paling tinggi ialah pentarjihan yang disepakati oleh Imam al-Rafie dan al-Nawawi. Sekiranya terdapat perbezaan pendapat di antara mereka berdua dalam sesuatu isu, pandangan Imam al-Nawawi yang akan diutamakan. Imam Ibn Hajar menyebutkan (al-Kurdiyy, 2015):

“Para ulama *muḥaqqiqīn* sepakat menyatakan bahawa yang difatwakan itu adalah apa yang disepakati al-Rafie dan al-Nawawi. Sekiranya terdapat perselisihan di antara keduanya maka yang diambil ialah pandangan al-Nawawi”.

(al-Kurdiyy, 2015)

Panduan ini turut disebutkan oleh murid beliau Imam Ahmad Zainuddin al-Malibari (w. 987H) (2004) di dalam kitab beliau *Fath al-Mu'in*:

“Ketahuilah! Pandangan muktamad dalam mazhab bagi tujuan hukum dan fatwa adalah apa yang disepakati oleh al-Syaikhān, kemudian apa yang ditetapkan oleh al-Nawawi dan setelah itu adalah apa yang diputuskan oleh al-Rafie”.

(al-Malibari, 2004)

Walaupun begitu, ada kalanya Imam al-Nawawi mempunyai pandangan hukum yang berbeza dalam kes yang sama. Oleh yang demikian, para ulama telah meletakkan satu garis panduan berinteraksi dengan pandangan-pandangan Imam al-Nawawi yang saling bertentangan. Metodologi ini bertujuan untuk mengenal pasti antara pandangan sebenar yang menjadi pegangan peribadi Imam al-Nawawi dan pandangan mazhab. Para ulama Syāfi'iyah *mutaakhhirīn* telah menyimpulkan dan menetapkan susunan tertib karya-karya Imam al-Nawawi sekiranya berlaku perbezaan pendapat iaitu *al-Taḥqīq*, *al-Majmū'*, *al-Tanqīh*, *al-Rawḍah*, *al-Minhāj*, fatwa-fatwa beliau, *Syarḥ Muslim*, *Taṣḥīḥ al-Tanbīh* dan *Nukat al-Tanbīh* (Abdul Qadir, 2004; Balfaqih, 2017; al-Hafnawi, 2017; Ibn Hajar, 2020; al-Kurdiyy, 2015; Muhammad Yasin, 2019).

Seterusnya, pendapat muktamad selepas *al-Syaikhān* ialah pentarjihan yang dilakukan oleh Imam Ibn Hajar dan Imam al-Ramli dalam isu-isu yang belum pernah dibahaskan sebelum mereka. Walau bagaimanapun, jika berlaku percanggahan di antara pendapat mereka berdua, kebanyakan ulama Mesir berpegang kepada pandangan yang dikeluarkan oleh Imam al-Ramli di dalam kitab-kitab beliau terutama *Nihāyat al-Muḥtāj*. Ini kerana kitab ini telah dibacakan kepada empat ratus orang ulama, kemudian dikritik dan diperbetulkan kembali. Kitab ini telah sampai kepada had mutawatir dalam kebenaran kandungannya menurut mazhab Syafie. Bagi ulama Hadramaut, Syam, Kurdistan, Dagestan, kebanyakan Yaman dan Hijaz, *al-qawl al-mu'tamad* ialah pendapat yang diutarakan oleh Imam Ibn Hajar melalui kitab-kitab beliau khususnya *Tuḥfat al-Muḥtāj*. Hal ini kerana kitab *Tuḥfat al-Muḥtāj* memuatkan secara menyeluruh nas-nas Imam al-Haramayn al-Juwaini beserta dengan pengkajian dan penelitian pengarang, selain ramai ulama *muḥaqqiqīn* telah membacanya (al-Hafnawi, 2017; al-Kurdiyy, 2015).

Jika berlaku isu yang tidak disentuh oleh mana-mana karangan Imam Ibn Hajar dan Imam al-Ramli, *al-qawl al-mu'tamad* di sisi kebanyakan ulama *mutaakhhirīn* ialah mengikut susunan berikut:

- i. Apa yang telah dipilih (*al-ikhtiyār*) oleh Syeikh al-Islam Zakaria al-Ansari melalui kitabnya *Syarḥ al-Bahjah al-Saghīr* kemudian kitabnya *Manhaj al-Ṭullāb* dan syarahnya,
- ii. Apa yang dipilih (*al-ikhtiyār*) oleh Imam al-Khatib al-Syirbini,
- iii. Apa yang dipilih (*al-ikhtiyār*) oleh *Aṣḥāb al-Ḥawāsyī* (tokoh-tokoh hasyiah).

Kebiasaannya mereka bersetuju dengan pendapat Imam al-Ramli. Mengikut sesetengah ulama, tertib susunan hasyiah-hasyiah tersebut ialah *Ḥāsyiat 'Alī al-Ziyādī*, *Ḥāsyiat Ibn Qāsim al-'Ubādī*, *Ḥāsyiat 'Umairah 'alā Syarḥ al-Maḥallī*, *Ḥāsyiat 'Alī al-Syabrāmallisī*, *Ḥāsyiat 'Alī al-Ḥalabī*, *Ḥāsyiat al-Syūbarī*, *Ḥāsyiat al-'Inānī* (al-Hafnawi, 2017; al-Kurdiyy, 2015).

Maksud Mustalah al-Ikhtiyār dalam Pentarjihan Pendapat Mazhab

Dari sudut bahasa Arab, perkataan *al-ikhtiyār* (الاختيار) merupakan satu bentuk kata nama terbitan (masdar) bagi kata perbuatan “*ikhtāra*” (اختار) di atas wazan “*ifta'ala*” (افتعل). Ia membawa dua makna iaitu (i) memilih perkara yang terbaik daripada dua perkara atau lebih; (ii) mengutamakan sesuatu perkara atas yang lain. Menurut ulama kontemporari istilah *al-ikhtiyār* dan *al-tarjīḥ* (الترجيح) membawa maksud yang sama. Namun, menurut para fuqaha mazhab kedua-dua istilah ini membawa maksud yang berbeza, mereka tidak meletakkan pentarjihan di tempat pendapat yang diistilahkan sebagai *al-ikhtiyār*, oleh itu *al-ikhtiyār* bukanlah memberi makna *al-tarjīḥ* (al-Khatib, 2016).

Seperti yang telah disebutkan di dalam Jadual 2 sebelum ini, secara umum istilah *al-ikhtiyār* atau *al-mukhtār* menurut penggunaan istilah para fuqaha bermaksud sesuatu pandangan yang dipilih oleh seseorang ulama apabila melihat dari perspektif dalil, atau memberi faedah bahawa perkara yang disebut itu adalah berbeza dengan *al-manqūl* daripada mazhab (Balfaqih, 2017; al-Kurdiyy, 2015). *Al-manqūl* ialah *naş* yang dinukil daripada ulama mazhab dan tidak ada kritikan yang dinukil serta tidak ada kritikan daripada ulama-ulama setelahnya, maka ia dijadikan seperti *naş* dan dijadikan *al-qawl al-mu'tamad* dalam mazhab. *Al-ikhtiyār* juga memberi maksud pandangan yang diistinbatkan oleh seseorang faqih yang memilih dengan melalui ijtihad daripada dalil-dalil usul, pendapat ini terkeluar daripada mazhab dan tidak disandarkan kepadanya (Al-Mandili, 2004). Imam al-Nawawi (1992) telah menyebutkan dalam mukadimah kitab *al-Taḥqīq*:

Dan apabila telah datang sesuatu perkara yang telah ditarjihkan oleh sesuatu kelompok yang sedikit, dan adalah dalil yang sah dan sarif menyokongnya, nescaya aku berkata "*al-mukhtār kadha*", maka "*al-mukhtār*" itu untuk menerangkan bahawa perkara itu adalah rajih dari sudut dalilnya, dan telah sependapat dengannya kelompok yang sedikit, dan bahawa kelompok yang lebih ramai dan masyhur dalam mazhab berpegang sebaliknya.

(Al-Nawawi, 1992)

Di dalam teks-teks turath mazhab Syafie, istilah *al-ikhtiyār* datang dengan tiga makna berikut (al-Khatib, 2016):

- i. Pendapat yang tersendiri atau asing daripada mazhab; ini merupakan makna yang masyhur.
- ii. Pendapat yang *rājih* dalam mazhab; makna ini sangat-sangat jarang digunakan di kalangan fuqaha *al-mutaakhhirīn*.
- iii. Istilah Imam al-Nawawi di dalam kitabnya *Rawḍat al-Ṭālibīn* yang bermaksud pendapat yang *al-aşah* pada kebiasaannya.

Syeikh Salim al-Khatib (2016) telah mendefinisikan *al-ikhtiyār* sebagai pendapat yang diijtihadkan oleh seseorang mujtahid yang menyalahi mazhab imamnya dalam sesetengah masalah, atau menyalahi pendapat yang *rājih* daripada mazhab kerana adanya dalil. Oleh itu, beliau telah menyimpulkan makna *al-ikhtiyār* kepada empat makna berikut:

- i. Satu jenis daripada ijtihad, kerana seseorang mujtahid itu berbeza pendapat dengan imam mazhab disebabkan adanya dalil yang lebih *rājih* mengikut pandangan beliau, atau disebabkan terdapatnya maksud syarak.
- ii. Disebutkan pada masalah yang tidak selari dengan mazhab.
- iii. Ada kemungkinan ia selari dengan satu pendapat lain di dalam mazhab tetapi tidak masyhur.
- iv. Disandarkan kepada dalil atau maslahat.

Berdasarkan kefahaman ini, jika melihat dari sudut Imam al-Nawawi yang merupakan pentarjih mazhab Syafie sendiri, apabila terdapatnya ijtihad beliau yang dikategorikan sebagai *al-ikhtiyār*, maka menurut Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili (2004) para ulama telah menetapkan supaya dibezakan di antara pendapat yang dinukilkan oleh Imam al-Nawawi daripada pentarjihan-pentarjihan (*al-tarjihāt*) dengan pendapat yang beliau pilih (*al-ikhtiyār*) berdasarkan pandangan beliau sendiri. Dengan ini, *al-ikhtiyār* Imam al-Nawawi dianggap pendapat yang lemah (*da'if*) dari sudut mazhab, kuat dari sudut dalil, melainkan *al-ikhtiyār* beliau dalam kitab *al-Rawḍah*.

Antara faedah mengetahui serta mempelajari masalah *al-ikhtiyārāt* yang terdapat di kalangan fuqaha mazhab ialah dapat mengetahui luasnya daya kefahaman para fuqaha dan ketelitian mereka dalam memahami serta mengistinbatkan hukum daripada nas-nas al-Quran dan hadis. Selain itu, hal ini juga dapat menunjukkan kepada kita pendapat-pendapat para imam yang memberikan keringanan, kemudahan

dan kerahmatan kepada umat, terutama dalam mendepani isu-isu baharu yang berlaku di era moden. Perkara yang paling penting ialah kesedaran bahawa *al-ikhtiyārāt* merupakan satu bentuk ijihad, bukan pemilihan pendapat secara membuta tuli berdasarkan hawa nafsu tanpa mengikut metodologi dan disiplin ilmu yang telah ditetapkan (al-Khatib, 2016).

Beberapa *al-Ikhtiyārāt* atau Permasalahan Fiqah Tidak Muktamad di Dalam Kitab Bidāyat al-Hidāyah Karya Imam Al-Ghazali

Biodata Pengarang Kitab

Nama penuh beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali al-Tusi dan dilahirkan di bandar Tus, Khurasan (Iran) pada tahun 450 Hijrah bersamaan 950 Masihi. Beliau membesar dalam sebuah keluarga yang mencintai agama dan penuh dengan budaya ilmu. Ayahanda beliau sentiasa menghadiri majlis pengajian bersama para ulama dan selalu berdoa agar dikurniakan seorang anak yang berilmu. Ayahanda beliau tidak akan mengambil makanan melainkan daripada hasil pekerjaannya sahaja (al-Ghazali, 2021).

Antara guru beliau ialah Imam al-Haramayn, Imam Ahmad al-Razakani dan Imam Abu Nasr al-Isma‘ili. Oleh kerana kesungguhan dan kecerdikan beliau yang sangat luar biasa, beliau telah dilantik oleh pemerintah Saljuk ketika itu untuk menjawat jawatan sebagai pengajar di Madrasah *Nizām al-Mulk* di kota Baghdad. Beliau merupakan satu-satunya ilmuwan Islam yang diberikan gelaran sebagai *Hujjat al-Islām*. Ketokohan Imam al-Ghazali terbukti melalui kalam-kalam pujian ulama kepadanya seperti (al-Fakihi, 2020):

- i. Imam al-Haramayn: “Al-Ghazali adalah sebuah lautan yang luas, namun beliau tidak mencapai kedudukan yang tinggi dengan kemalasan tetapi melalui kesungguhan yang besar dan penyucian jiwa serta latihan kerohanian”.
- ii. Ibn al-Jawzi: “Beliau telah mengarang kitab-kitab yang sangat baik di dalam perbincangan *uṣūl* dan *furū‘* yang mempunyai keelokan dalam susunan dan kehalusan perbincangan yang tersendiri”.
- iii. Imam Abu Hasan al-Syazili: “Apabila kalian mempunyai sesuatu hajat kepada Allah Taala, maka hendaklah kamu bertawasul kepada-Nya dengan Imam Abi Hamid al-Ghazali”.
- iv. Imam Muḥammad al-Naysaburi (murid Imam al-Ghazali): “Tiada yang mengenali Imam al-Ghazali dan kehebatannya melainkan orang yang mencapai kesempurnaan akal”.

Imam al-Ghazali telah mengarang puluhan kitab dalam pelbagai bidang seperti akidah, fiqah, tasawuf, mantik, usul fiqah dan falsafah, sama ada dalam bahasa Arab mahupun Parsi. Ketinggian ilmu dan kehalusan pemikiran beliau dalam bidang-bidang tersebut telah menjadi topik perbincangan dan bahan kajian oleh para sarjana Islam zaman-berzaman termasuk golongan orientalis Barat seperti Duncan B. Macdonald dan W. Montgomery Watt. Beberapa idea dan kritikan Imam al-Ghazali di dalam karya-karya beliau telah menjadi pencetus kepada kemunculan falsafah sains moden di dunia Barat pada abad ke-17 sebagaimana terpapar dalam pemikiran tokoh Barat seperti Rene Descarte dan David Hume. Melalui pemikiran Imam al-Ghazali, peradaban Barat berjaya membina falsafah baharu yang menjadi dasar kepada lahirnya sains moden sehingga ke hari ini (Akdogan, 2008).

Antara kitab-kitab yang dikarang oleh Imam al-Ghazali adalah:

- i. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*
- ii. *Minhāj al-‘Ābidīn*
- iii. *Al-Iqtiṣād fī al-‘Iṭiqād*
- iv. *Al-Mustaṣfā fī ‘Ilm al-Uṣūl*

- v. *Al-Wasīṭ fī al-Madhhab*
- vi. *Mi 'yār al-'Ilm fī al-Manṭiq*
- vii. *Maqāṣid al-Falāsifah*
- viii. *Bidāyat al-Hidāyah*

Imam Ahmad yang merupakan adik kandung Imam al-Ghazali telah menceritakan detik-detik kewafatan kakandanya yang berlaku pada waktu subuh hari Isnin, 14 Jamadilakhir 505H bersamaan dengan 19 Disember 1111M. Imam al-Ghazali telah mengambil wuduk dan menunaikan solat subuh. Selesai daripada menunaikan solat, beliau berkata, “*Saya perlu memakai kain kafan*” lalu mengambil, mencium dan meletakkan kain kafan tersebut di kedua matanya. Kemudian beliau meluruskan kedua kakinya dengan menghadap kiblat dan menyebutkan, “*Saya sedia untuk kembali ke hadrat-Mu dengan penuh ketaatan dan kepatuhan*” lalu menghembuskan nafasnya yang terakhir ketika berumur 55 tahun (al-Fakihi, 2020).

Latar Belakang Kitab *Bidāyat al-Hidāyah*

Kitab ini merupakan sebuah ringkasan daripada kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* yang merupakan karya *magnum opus* Imam al-Ghazali. Kitab ini mempunyai tiga bahagian; iaitu bahagian melakukan ketaatan, meninggalkan maksiat dan adab-adab bersama Pencipta serta makhluk yang diperkuatkan dengan dalil-dalil daripada al-Quran, hadis serta kata-kata hikmah dan syair para ulama. Ketiga-tiga perbincangan ini merangkumi segala aspek kehidupan seorang Muslim yang bermula daripada bangun tidur di pagi hari sehingga tidur di malam hari. Karya ini bukan sekadar membahaskan hukum-hakam dalam ibadat seharian, bahkan adab-adab dalam aspek pendidikan, ekonomi, kesihatan, psikologi, personaliti, sosial dan falsafah kehidupan.

Kelebihan isi kandungan kitab ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Imam al-Ghazali bahawa sesiapa yang dapat mengamalkan apa yang terkandung di dalamnya maka orang tersebut akan mampu mencapai kepada penghujung (*nihāyah*) bagi hidayah seperti yang disebutkan oleh beliau, “*tidak akan sampai kepada nihāyat al-hidāyah (kesudahan hidayah) kecuali setelah mengukuhkan bidāyat al-hidāyah (permulaan hidayah) dan tidak akan dapat menyingkapi bāṭin al-hidāyah kecuali setelah memahami zāhir al-hidāyah*”. Bertepatan dengan judul kitab ini, Imam al-Ghazali memulakan perbincangan dengan kritikan dan teguran kepada para penuntut ilmu yang mempunyai niat yang salah dalam mencari ilmu. Tujuan yang salah dalam melakukan sesuatu perkara akan membawa seseorang kepada kesesatan dan kerugian pada penghujung perjalanan kehidupannya walaupun amal ibadah yang dilakukan tampak seperti sempurna dan banyak.

Ketinggian nilai ilmu yang terdapat di dalam kitab ini telah mendorong ramai ulama untuk mensyarahkan kitab ini dengan lebih meluas seperti yang dilakukan oleh Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantani (2013) di dalam kitabnya *Marāqī al-'Ubūdiyyah* dan Syeikh Abdul Qadir al-Fakihi (2020) di dalam kitabnya *al-Kifāyah Syarḥ Bidāyat al-Hidāyah*. Terjemahan kitab *Bidāyat al-Hidāyah* yang terawal ke dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi ialah terjemahan yang dilakukan oleh Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (2022) yang dinamakan sebagai *Hidāyat al-Sālikīn Fī Sulūk Maslak al-Muttaqīn* pada kurun ke-18 Masihi. Terjemahan ini telah digunakan sebagai kitab pengajian secara meluas di pondok dan pesantren di Nusantara sehingga ke hari ini.

Di samping terjemahan klasik tersebut, terdapat beberapa terjemahan moden seperti yang dilakukan oleh Syeikh Ahmad Fahmi Zamzam (2005), Abdul Ghani (2019) dan Muhammad Adam, Muhammad Azroy Faiz, Che Amiruddin dan Izham Hakimi (2017). Selain itu, Pusat Islam Universiti Sains Islam Malaysia turut menerbitkan terjemahan baharu bagi kitab ini dalam bentuk modul yang diberikan kepada semua pelajar bagi dijadikan sebagai bahan diskusi di dalam program *Liqā'*. Usaha terjemahan daripada beberapa pihak ini menunjukkan bahawa kitab *Bidāyat al-Hidāyah* sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh semua pihak dan membuktikan bahawa perbincangan yang dimuatkan di dalamnya kekal relevan sehingga ke hari ini.

Ikhtiyārāt Fiqhiyyah Imam al-Ghazali dalam Kitab Bidāyat al-Hidāyah

Imam al-Ghazali merupakan seorang tokoh penting dalam perkembangan mazhab Syafie dan tergolong dalam kalangan *al-Ashāb*. Karya-karya beliau dalam bidang fiqah seperti *al-Khulāṣah*, *al-Basīt*, *al-Wasīt* dan *al-Wajīz* menjadi jambatan dan sumber utama bagi kemunculan kitab-kitab fiqah dalam generasi ulama Syāfi‘iyyah terkemudian seperti Imam al-Rafie dan Imam al-Nawawi. Begitu juga karya beliau dalam bidang usul fiqah iaitu *al-Mustasfā* yang menjadi salah satu daripada empat kitab utama yang menjadi dasar bagi perkembangan kitab-kitab dalam disiplin tersebut.

Melalui kekuatan ilmu dalam usul fiqah dan hukum-hakam mazhab Syafie, Imam al-Ghazali mempunyai beberapa ijthad yang tersendiri (*al-ikhtiyārāt*). Pandangan tersebut adalah berdasarkan pandangan peribadi beliau yang tidak sama dengan pandangan muktamad mazhab Syafie. Antara *ikhtiyārāt* Imam al-Ghazali (2021) yang terdapat di dalam *Bidāyat al-Hidāyah* adalah seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 3: *Ikhtiyārāt* Imam al-Ghazali di dalam Kitab *Bidāyat al-Hidāyah* dan Pendapat Muktamad Mazhab Syafie

Bil.	Masalah	<i>Ikhtiyārāt</i> Imam al-Ghazali di Dalam Kitab <i>Bidāyat al-Hidāyah</i>	Pendapat Muktamad Mazhab Syafie
1.	Menyapu tengkuk ketika berwuduk.	<i>Bab Berwuduk:</i> "تَمَّ امْسَحَ رَقَبَتِكَ" Terjemahan: Kemudian sapulah tengkukmu.	Tidak disunatkan untuk menyapu tengkuk ketika berwuduk. Petikan kitab <i>Hāsyiat al-Bājūrī ‘Alā Faṭḥ al-Qarīb</i> (Al-Bajuri, 2016): "وَلَا يُسَنَّ مَسْحَ الرَّقَبَةِ" Terjemahan: Dan tidak disunatkan menyapu tengkuk.
2.	Solat sunat empat rakaat sebelum zohor adalah <i>muakkad</i> .	<i>Bab Adab Mempersiapkan Diri Untuk Solat:</i> "وَهْدِهِ الْأَرْبَعُ قَبْلَ الظُّهْرِ سُنَّةٌ مُؤَكَّدَةٌ" Terjemahan: Hukum solat empat rakaat sebelum zuhur tersebut adalah sunat <i>muakkad</i> .	Hanya dua rakaat sahaja dihukumkan sunat <i>muakkad</i> . Petikan kitab <i>Faṭḥ al-Wahhāb</i> (Al-Ansari, 2024): "وَالْمُؤَكَّدُ مِنْهَا رَكَعَتَانِ قَبْلَ صُبْحٍ وَ رَكَعَتَانِ قَبْلَ (ظُهْرٍ وَ) رَكَعَتَانِ (بَعْدَهُ...)" Terjemahan: (Solat yang <i>muakkad</i> daripada solat-solat sunat <i>rawātib</i> ialah dua rakaat sebelum subuh dan) dua rakaat sebelum (zohor dan) dua rakaat (selepas zohor...).
3.	Solat sunat empat rakaat sebelum asar adalah <i>muakkad</i> .	<i>Bab Adab Mempersiapkan Diri Untuk Solat:</i> "تَمَّ صَلَّيْ أَرْبَعًا قَبْلَ الْعَصْرِ فَهِيَ سُنَّةٌ مُؤَكَّدَةٌ" Terjemahan: Kemudian, dirikanlah solat sunat empat rakaat <i>qabliyyah</i> asar kerana solat ini adalah sunat <i>muakkad</i> .	Empat rakaat sebelum asar bukanlah sunat <i>muakkad</i> . Petikan kitab <i>Faṭḥ al-Wahhāb</i> (Al-Ansari, 2024): "وَعَيْرُهُ أَيُّ الْمُؤَكَّدِ مِنْهَا (زِيَادَةُ رَكَعَتَيْنِ قَبْلَ ظُهْرٍ وَ) رَكَعَتَيْنِ (بَعْدَهُ) ... (وَأَرْبَعٍ قَبْلَ عَصْرِ)"

		<p>Terjemahan: (dan selain daripadanya) iaitu solat yang <i>muakkad</i> daripada solat-solat sunat <i>rawātib</i> ialah (tambahan dua rakaat sebelum zohor dan) dua rakaat (selepas zohor)... (dan empat rakaat sebelum asar).</p>
<p>4. Memulakan bacaan takbiratulihram ketika tangan berada pada kedudukannya iaitu bertentangan telinga.</p>	<p>Bab Adab-adab Solat:</p> <p>"فَإِذَا اسْتَقَرَّتَا فِي مَقَرِّهِمَا فَكَبِّرْ"</p> <p>Terjemahan: Apabila kedua-dua tanganmu itu telah tetap di tempatnya maka bertakbirlah.</p>	<p>Afdal memulakan bacaan takbir ketika mula mengangkat tangan.</p> <p>Petikan kitab <i>Mughnī al-Muhtāj</i> (Al-Syirbīnī, 1998):</p> <p>"(وَالْأَصْحُ) فِي زَمَنِ الرَّفْعِ (رَفْعُهُ مَعَ ابْتِدَائِهِ)"</p> <p>أَيُّ التَّكْبِيرِ لِلِابْتِئَاعِ كَمَا فِي الصَّحِيحَيْنِ"</p> <p>Terjemahan: Dan (pendapat yang <i>al-asaḥ</i>) pada masa mengangkat tangan (ialah mengangkatnya bersama-sama permulaannya) iaitu takbiratulihram kerana mengikut perbuatan Nabi SAW sepertimana yang terdapat di dalam kitab hadis Imam al-Bukhari dan Muslim.</p>
<p>5. Melepaskan tangan ke bawah selepas mengangkat takbiratulihram.</p>	<p>Bab Adab-adab Solat:</p> <p>"فَإِذَا اسْتَقَرَّتَا فِي مَقَرِّهِمَا فَكَبِّرْ، ثُمَّ أَرْسَلَهُمَا بِرَفْقٍ ... فَإِذَا أَرْسَلْتَهُمَا فَاسْتَأْنِفْ رَفْعَهُمَا إِلَى صَدْرِكَ"</p> <p>Terjemahan: Apabila kedua-dua tanganmu itu telah tetap di tempatnya maka bertakbirlah, kemudian turunkan kedua-dua tanganmu itu ke bawah dengan perlahan-lahan ... Apabila engkau telah lepaskan kedua-dua tanganmu ke bawah, maka angkatlah semula ke bawah dadamu.</p>	<p>Tidak disunatkan untuk melepaskan tangan ke bawah selepas mengangkat takbiratulihram kemudian memulakan angkat tangan semula untuk diletakkan di bawah dada.</p> <p>Petikan kitab <i>Rawḍat al-Tālibīn</i> (al-Nawawī, 2012):</p> <p>"وَاحْتَلَفُوا فِي أَنَّهُ إِذَا أُرْسِلَ يَدَيْهِ، هَلْ يُرْسَلُهُمَا إِرسَالًا بَلِيغًا ثُمَّ يَسْتَأْنِفُ رَفْعَهُمَا إِلَى تَحْتِ صَدْرِهِ وَوَضَعَ الْيَمْنَى عَلَى الْيُسْرَى، أَمْ يُرْسَلُهُمَا إِرسَالًا خَفِيفًا إِلَى تَحْتِ صَدْرِهِ فَحَسْبُ، ثُمَّ يَضَعُ؟ قُلْتُ: الْأَصْحُ الثَّانِي"</p> <p>Terjemahan: Para ulama berselisih pendapat pada bahawasanya apabila orang yang solat melepaskan kedua-dua tangannya, adakah dia melepaskannya dengan bersangatan kemudian memulakan semula mengangkat kedua-dua tangannya ke bawah dadanya dan meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri, ataupun dia melepaskan kedua-dua tangannya dengan sedikit ke bawah dadanya sahaja, kemudian dia meletakkannya? Aku (Imam al-Nawawī) berkata: Pendapat yang <i>al-asaḥ</i> ialah cara yang kedua.</p>

<p>6. Memulakan ucapan takbir untuk bangun ketika hampir pada kedudukan <i>istirāḥah</i> sehingga sampai had rukuk.</p>	<p>Bab Adab-adab Solat:</p> <p>"وَابْتَدِئْ بِتَكْبِيرِ الْإِرْتِفَاعِ عِنْدَ الْقُرْبِ مِنْ حَدِّ جَلْسَةِ الْاسْتِرَاحَةِ وَمُدَّهَا إِلَى مُنْتَصَفِ ارْتِفَاعِكَ إِلَى قِيَامِكَ"</p> <p>Terjemahan: Mulakanlah mengucap takbir untuk bangun ketika hampir pada kadar kedudukan duduk <i>al-istirāḥah</i> dan panjangkanlah takbir tersebut hingga sampai separuh berdirimu (had rukuk).</p>	<p>Disunatkan memulakan ucapan takbir ketika mula mengangkat kepala daripada sujud dan mengekalkan ucapan takbir sehingga sempurna berdiri.</p> <p>Petikan kitab <i>al-Iqnā'</i> (Al-Syirbīnī, 2021):</p> <p>"(وَ) التَّامِنَةُ (التَّكْبِيرَاتُ عِنْدَ) ابْتِدَاءِ (الْحُفْظِ) لِرُكُوعٍ وَسُجُودٍ (وَ) عِنْدَ ابْتِدَاءِ (الرُّفْعِ) مِنَ السُّجُودِ، وَمُدَّهُ إِلَى انْتِهَاءِ الْجُلُوسِ وَالْقِيَامِ"</p> <p>Terjemahan: (Dan) sunat haiah yang kelapan (ialah mengucap takbir ketika) permulaan (turun) untuk rukuk dan sujud (dan) ketika permulaan (bangun) daripada sujud, dan dipanjangkan takbir itu sehingga selesai duduk dan berdiri.</p>
<p>7. Tidak disunatkan mengangkat tangan ketika membaca doa qunut.</p>	<p>Bab Adab-adab Menjadi Imam dan Makmum:</p> <p>"وَلَا يَرْفَعُونَ الْأَيْدِيَ فَلَمْ يَنْبُتْ ذَلِكَ فِي الْأَخْبَارِ"</p> <p>Terjemahan: Mereka tidak mengangkat tangan kerana perkara itu tidak sabit dalam hadis-hadis.</p>	<p>Disunatkan bagi imam dan makmum mengangkat tangan ketika membaca doa qunut.</p> <p>Petikan kitab <i>Fath al-Wahhāb</i> (Al-Ansari, 2024):</p> <p>"(وَ) سُنَّ (رَفْعُ يَدَيْهِ فِيهِ) أَيُّ فِيمَا ذُكِرَ مِنَ الْقُنُوتِ وَمَا بَعْدَهُ كَسَائِرِ الْأَدْعِيَةِ وَبِلَاتَّبَاعِ"</p> <p>Terjemahan: (Dan) disunatkan (mengangkat kedua-dua tangan padanya) iaitu pada perkara yang telah disebutkan daripada bacaan qunut dan apa yang selepasnya seperti semua doa dan kerana mengikut perbuatan Nabi SAW.</p>

Perbincangan fiqah di dalam kitab *Bidāyat al-Hidāyah* ini hanya merangkumi bab ibadah berkenaan bersuci, wuduk, solat dan puasa, tanpa menyentuh bab zakat dan haji. Oleh sebab itu, penulis hanya mendapati tujuh permasalahan fiqah yang merupakan *al-ikhtiyārāt* Imam al-Ghazali. Bagi meninjau dengan lebih mendalam terhadap pandangan-pandangan *ikhtiyārāt* Imam al-Ghazali yang lebih banyak beserta hujahan dan asas *istinbāt* yang menjadi sandaran beliau, kajian selanjutnya harus ditumpukan pada karya-karya beliau yang lebih besar seperti kitab *al-Khulāṣah*, *al-Basīṭ*, *al-Wasīṭ* dan *al-Wajīz*. Rumusan daripada pemilihan pandangan yang diijtihadkan oleh Imam al-Ghazali di atas adalah berkaitan perkara sunat tanpa menyentuh rukun atau syarat solat. Dengan kata lain, perbezaan antara pandangan beliau dengan pendapat muktamad mazhab hanyalah berkisar antara menentukan perkara sunat ataupun tidak sunat dan juga penentuan sama ada perkara tersebut sunat *muakkad* ataupun tidak.

Kesimpulan

Hasil penulisan ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan kefahaman secara teliti dan terperinci tentang tatacara penentuan pandangan muktamad mazhab merupakan asas penting ketika berinteraksi dengan teks-teks turath mazhab Syafie. Sesuatu pendapat yang diijtihadkan oleh sesetengah fuqaha mazhab yang tidak selari dengan pendapat muktamad mazhab diwakili dengan istilah *al-ikhtiyār* atau *al-mukhtār*. Pendapat ini merupakan pendapat peribadi seseorang mujtahid di dalam mazhab berdasarkan dalil yang lebih *rājih* di sisinya. Kerana itu, *al-ikhtiyār* tidak dinisbahkan kepada mazhab Syafie itu sendiri.

Kitab *Bidāyat al-Hidāyah* merupakan antara kitab terpenting dan utama yang diajar secara meluas di Nusantara sejak zaman-berzaman. Kitab ini memberi panduan dan adab yang sangat jitu bagi seseorang Muslim untuk memulakan perjalanannya kepada Tuhan. Imam al-Ghazali merupakan seorang tokoh mazhab Syafie yang tergolong di dalam kalangan *Ashāb al-Wujūh* yang hidup sebelum zaman pengemaskinian mazhab, maka tidak hairanlah terdapatnya beberapa permasalahan fiqah yang tidak muktamad di dalam kitab *Bidāyat al-Hidāyah*. Permasalahan ini dikira sebagai *ikhtiyārāt* Imam al-Ghazali berdasarkan ijtihad beliau terhadap nas-nas syarak, oleh sebab itu tidak dikira sebagai pendapat muktamad mazhab Syafie. Memandangkan kitab ini lebih tertumpu kepada kaedah dan adab bagi seseorang yang ingin mendekati diri kepada Allah, permasalahan fiqah yang dimuatkan oleh Imam al-Ghazali adalah bersifat *faḍā'il al-a'māl* dan pengamalan harian bersifat peribadi, bukan untuk berfatwa dan pengeluaran hukum, maka tidaklah menjadi satu kesalahan bagi kita untuk mengikuti pendapat-pendapat tersebut.

Rujukan

- Akdogan, C. (2008). *Science in Islam and the west*. ISTAC.
- Al-Ansari, Z. M. (2024). *Fath al-wahhab bi syarh al-manhaj al-tullāb*. Dar al-Dhiya'.
- Al-Bajuri. I. B. (2016). *Hāsyiat al-bājūrī 'alā syarh al-'allāmah Ibn Qāsim al-Ghazzi*. Dar al-Minhaj.
- Al-Dib, A. A. (2007). *Muqaddimāt nihāyat al-maṭlab fī dirāsāt al-madhhab li Imām al-Ḥaramayn*. Tahkik: Abd al-'Azim al-Dib. Dar al-Mihaj.
- Al-Fakihi, A. Q. A. (2020). *Al-Kifāyah syarh bidāyat al-hidāyah* (Cet. 2). Dar al-Dhiya'.
- Al-Falimbani, A. S. (2022). *Hidāyat al-sālīkīn fī suluk maslak al-muttaqīn*. Galeri Ilmu.
- Al-Ghazali. M. M. (2005). *Bidayatul hidayah (permulaan jalan hidayah)* (Cet. 4). (Ahmad Fahmi Zamzam, terj). Khazanah Banjariah.
- Al-Ghazali. M. M. (2017). *Bidayat al-hidayah: Jalan menuju petunjuk*. (Muhammad Adam, Muhammad Azroy Faiz, Che Amiruddin & Izham Hakimi, terj). Telaga Biru.
- Al-Ghazali. M. M. (2019). *Bidayatul hidayah* (Cet. 5). (Abdul Ghani Jabal Maraqy, terj). Jabal Maraqy.
- Al-Ghazali. M. M. (2021). *Bidāyat al-hidāyah* (Cet. 2). Dar al-Minhaj.
- Al-Hafnawi, M. I. (2017). *Al-Fath al-mubīn fī ta'rīf mustalahat al-fuqāhā' wa al-uṣūliyyin* (Cet. 6). Dar al-Salam.
- Al-Kaf, M. U. (2008). *Al-Mu'tamad 'inda al-syāfi'iyah dirāsah nazariyyah taṭbīqiyyah* [Tesis ijazah sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Islam Beirut, Lubnan.
- Al-Khatib, S. A. (2016). *Ikhtiyārāt al-Imām al-Nawawi*. Dar al-Nur al-Mubin.
- Al-Kurdiyy, M. S. (2015). *Al-Fawā'id al-madaniyyah* (Cet. 3). Dar al-Faruq.
- Almaany. (t.th.). Muṣṭalah. Dalam *Almaany.com*. Diambil 17 Julai 2024 daripada <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/مصطلح/>
- Al-Mahalli, M. A. (2016). *Kanz al-rāghibīn syarh minhāj al-ṭālibīn*. Dar al-Minhaj.
- Al-Malibari, A. Z. (2004). *Fath al-mu'in bi syarh qurrat al-'ayn bi muhimmāt al-dīn*. Dar Ibn Hazm.
- Al-Mandili, A. W. A. M. (2004). *Al-Khazā'in al-saniyyah min masyāhīr al-kutub al-fiqhiyyah li a'immatinā al-fuqāhā' al-syāfi'iyah*. Muassasah al-Risalah Nasyirun.
- Al-Nawawi, Y. S. (1992). *Kitāb al-tahqīq*. Tahkik: 'Adil 'Abd al-Maujud & 'Ali Ma'awwadh. Dar al-Jil.
- Al-Nawawi, Y. S. (1995). *Al-Majmū'*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Nawawi, Y. S. (2012). *Rawḍat al-ṭālibīn*. Dar al-Faiha'.
- Al-Nawawi, Y. S. (2017). *Minhāj al-ṭālibīn wa 'umdat al-muftīn*. Dar al-Minhaj.
- Al-Syirbini. M. A. (2021). *Al-iqnā' fī ḥal alfāz Abī Syujā'*. Muassasah al-Risalah Nasyirun.
- Al-Syirbini. M. A. (2022). *Mughnī al-muhtāj ilā ma'rīfat ma'ānī alfāz al-minhāj*. Dar al-Faiha'.
- Al-Zuhaily, M. (2007). *Al-Mu'tamad fī al-fiqh al-Syāfi'ī*. Dar al-Qalam.
- Balfaqih, A. H. (2017). *Maṭlab al-iqāz fī al-kalām 'alā syai' min ghurar al-alfāz*. Dar al-Dhiya'.

- Chik Ahmad al-Qadahi. (t.th.). *Sullam al-ṣibyān fī al-fiqh al-Syāf'ī*. t.pt.
- Ibn Hajar, A. M. (2020). *Tuḥfat al-muḥtaj bi syarḥ al-minhāj*. Dar al-Dhiya'.
- Kamus Dewan* (Edisi Keempat). (2021). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nawawi al-Jawi. (2013). *Marāqī al-'ubūdiyyah* (Cet. 2). Dar al-Basair.
- Muhammad Yasin Isa al-Fadani. (2019). *Al-Fawā'id al-janiyyah* (Cet. 5). Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.
- Sano, K. M. (2000). *Mu'jam muṣṭalahāt uṣūl al-fiqh*. Dar al-Fikr al-Mu'asir.